



# **WASIAH INSTRUMEN PERANCANGAN HARTA ISLAM**



MOHAMMAD SALLEH BIN ABDUL SAHA  
KETUA BAHAGIAN  
DAKWAH & PEMASARAN MAIS



Majlis Agama Islam Selangor



mais\_officialhq




Kita biasa dengar orang sebut **WASIAT**, tapi ramai di antara kita yang masih keliru apa itu **WASIAT**





# SEJARAH WASIAT



## SEBENARNYA

Wasiat telah lama diamalkan dalam sejarah tamadun manusia

ISLAM DATANG DENGAN MEWUJUDKAN JAMINAN KEADILAN DAN KESAKSAMAAN DALAM AGIHAN HARTA DAN MENJAGA KEPENTINGAN WARIS-WARIS





## DEFINISI WASIAT

- Wasiat berasal daripada perkataan arab ‘wasa’ yang bermaksud membuat janji.
- Istilah wasiyyah (wasiat) itu merujuk kepada sesuatu yang diwasiatkan.
- Perkataan wasiat merangkumi wasiat terhadap harta atau selain harta.

## WALAU BAGAIMANAPUN

Penggunaan istilah wasiat dari segi syarak hanya merujuk kepada wasiat harta sahaja

ULAMA FIKAH BERI TAKRIFAN YANG PELBAGAI

**“AKU WASIATKAN KEPADA ANAKKU SUPAYA JANGAN TINGGAL SEMBAHYANG 5 WAKTU, JANGAN MENCURI, HORMAT ORANG YANG LEBIH TUA”**

“Pemberian hak milikan yang berkuatkuasa selepas kematian sama ada perkara yang diwasiatkan itu berupa ayn atau manfaat.”

“Janji tertentu yang khusus dan terlaksana selepas kematian pembuat janji.”



## DEFINISI WASIAT

### Mazhab Syafi'e

- Pemberian / sumbangan harta oleh seseorang kepada orang / pihak lain setelah dia mati sama ada disebut perkataan wasiat / tidak

### Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999

Suatu tasarruf terhadap harta pusaka yang terlaksana selepas kematian

### Undang-Undang Wasiat Mesir 1946

Subseksyen 2(1)  
Iqrar seseorang yang diperbuat pada masa hayatnya ke atas hartanya atau manfaat untuk menyempurnakan sesuatu bagi maksud kebajikan atau apa-apa maksud yang dibenarkan menurut Hukum Syarak, selepas dia mati.




## CONTOH WASIAT

**“Saya nak wakafkan tanah ni untuk buat maahad tahfiz lepas saya mati nanti.”**

**“Duit Tabung Haji saya ni nanti serah kepada anak yatim.”**

“Saya bagi tanah belakang rumah saya kepada kak zaiton lepas saya tiada nanti.”

“Kalau saya takde nanti, kereta VW saya ni serahkan kepada adik angkat saya.”



**Akad yang Berkuat Kuasa  
Selepas Kematian Pewasiat**



**Tasarruf untuk Pindah Milik  
Harta Pewasiat kepada  
Penerima Wasiat**

**Akad Tabarru' yang Tidak  
Memerlukan Balasan**



**Benefisiari Wasiat Terhad  
kepada Bukan Waris**

**Harta yang Diwasiatkan  
Terhad Sehingga 1/3  
daripada Harta Pusaka  
Pewasiat**



## PADA ZAMAN AWAL ISLAM, WASIAT ADALAH DIWAJIBKAN

**كُتِبَ عَلَيْكُمْ إِذَا حَضَرَ أَحَدُكُمُ الْمَوْتُ إِنْ تَرَكَ خَيْرًا الْوَصِيَّةُ لِلْوَالِدَيْنِ وَالْأَقْرَبَيْنَ  
بِالْمَعْرُوفِ صَحَّا عَلَى الْمُتَّقِينَ**

“Kamu diwajibkan, apabila seseorang dari kamu hampir mati, jika ia ada meninggalkan harta, (hendaklah ia) membuat wasiat untuk ibu bapa dan kaum kerabat dengan cara yang baik (menurut peraturan agama), sebagai suatu kewajipan atas orang-orang yang bertaqwa.”  
(Surah al-Baqarah: 180)

Menurut kebanyakan sahabat dan Mazhab Sunni yang empat termasuk Imam Syafi'e, ayat ini telah dinasakhkan dengan ayat MAWARITH yang menyatakan dengan terperinci mengenai bahagian waris yang berhak ke atas harta pusaka si mati iaitu ayat 11, 12 dan 176 SURAH AL-NISA'



يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلَّذِكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنْثَيَيْنِ فَإِنْ كُنَّ نِسَاءً فَوْقَ أَثْنَتَيْنِ  
فَلَهُنَّ ثُلُثًا مَا تَرَكَ وَإِنْ كَانَتْ وَاحِدَةً فَلَهَا النِّصْفُ وَلَا يَبْوَيْهِ لِكُلِّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا  
السُّدُّسُ مِمَّا تَرَكَ إِنْ كَانَ لَهُ وَلَدٌ فَإِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُ وَلَدٌ وَوَرِثَهُ أَبُواهُ فَلِأُمِّهِ الْثُلُثُ فَإِنْ كَانَ  
لَهُ إِخْوَةٌ فَلِأُمِّهِ السُّدُّسُ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِي بِهَا أَوْ دِينٍ عَابِرًا وَكُمْ وَأَبْنَا وَكُنْمَ لَا  
تَدْرُونَ أَيْهُمْ أَقْرَبُ لَكُمْ نَفْعًا فَرِيضَةٌ مِّنْ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا

11

Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan. Tetapi jika anak-anak perempuan itu lebih dari dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga dari harta yang ditinggalkan oleh si mati. Dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya ialah satu perdua (separuh) harta itu. Dan bagi ibu bapa (si mati), tiap-tiap seorang dari keduanya: satu perenam dari harta yang ditinggalkan oleh si mati, jika si mati itu mempunyai anak. Tetapi jika si mati tidak mempunyai anak, sedang yang mewarisinya hanyalah kedua ibu bapanya, maka bahagian ibunya ialah satu pertiga. Kalau pula si mati itu mempunyai beberapa orang saudara (adik-beradik), maka bahagian ibunya ialah satu perenam. (Pembahagian itu) ialah sesudah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya. Ibu-bapa kamu dan anak-anak kamu, kamu tidak mengetahui siapa di antaranya yang lebih dekat serta banyak manfaatnya kepada kamu (Pembahagian harta pusaka dan penentuan bahagian masing-masing seperti yang diterangkan itu ialah) ketetapan dari Allah; sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

\* وَكُمْ نِصْفٌ مَا تَرَكَ أَزْوَاجُكُمْ إِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُ بَرْ وَلَدٌ فَإِنْ كَانَ  
لَهُنَّ وَلَدٌ فَلَكُمُ الْرُّبُعُ مِمَّا تَرَكَتْنَ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصَيْنَ بِهَا أَوْ  
دَيْنٍ وَلَهُنَّ أَرْبَعُ مِمَّا تَرَكَتْنَ إِنْ لَمْ يَكُنْ لَكُمْ وَلَدٌ فَإِنْ كَانَ  
لَكُمْ وَلَدٌ فَلَهُنَّ الْثُلُثُ مِمَّا تَرَكَتْنَ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ تُوصَيْنَ بِهَا أَوْ  
دَيْنٍ وَإِنْ كَانَ رَجُلٌ يُورَثُ كَلَلَةً أَوْ امْرَأَةً وَلَهُ دَيْنٌ أَوْ أُخْتٌ فَلِكُلٍّ وَاحِدٍ  
مِنْهُمَا أَسْدُسٌ فَإِنْ كَانُوا أَكْثَرَ مِنْ ذَلِكَ فَهُمْ شُرَكٌ كَاءِفَةٌ فِي الْثُلُثِ مِنْ  
بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصَيْنَ بِهَا أَوْ دَيْنٍ غَيْرَ مُضَارِّ وَصِيَّةٌ مِنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَلِيمٌ

Dan bagi kamu satu perdua dari harta yang ditinggalkan oleh isteri-isteri kamu jika mereka tidak mempunyai anak. Tetapi jika mereka mempunyai anak maka kamu beroleh satu perempat dari harta yang mereka tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang mereka wasiatkan dan sesudah dibayarkan hutangnya. Dan bagi mereka (isteri-isteri) pula satu perempat dari harta yang kamu tinggalkan, jika kamu tidak mempunyai anak. Tetapi kalau kamu mempunyai anak maka bahagian mereka (isteri-isteri kamu) ialah satu perlapan dari harta yang kamu tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang kamu wasiatkan, dan sesudah dibayarkan hutang kamu. Dan jika si mati yang diwarisi itu, lelaki atau perempuan, yang tidak meninggalkan anak atau bapa, dan ada meninggalkan seorang saudara lelaki (seibu) atau saudara perempuan (seibu) maka bagi tiap-tiap seorang dari keduanya ialah satu perenam. Kalau pula mereka (saudara-saudara yang seibu itu) lebih dari seorang, maka mereka bersekutu pada satu pertiga (dengan mendapat sama banyak lelaki dengan perempuan), sesudah ditunaikan wasiat yang diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya; wasiat-wasiat yang tersebut hendaknya tidak mendatangkan mudarat (kepada waris-waris). (Tiap-tiap satu hukum itu) ialah ketetapan dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Penyabar.

## GALAKAN DAN PERINGATAN UNTUK MENULIS WASIAT

مَا حَقٌّ اِمْرِئٌ مُسْلِمٌ، لَهُ شَيْءٌ يُرِيدُ أَنْ يُوَصِّيَ فِيهِ، يَبْيَتُ لَيْلَتَيْنِ، إِلَّا وَوَصِيتَهُ مَكْتُوبَةٌ عِنْدَهُ.

Daripada Abdullah bin Umar r.a.: Tidak sepatutnya seseorang Muslim yang mempunyai sesuatu ingin diwasiatkan tidur dua malam berturut-turut melainkan dia menulis wasiat di sisinya.

(Riwayat Muslim)

إِنَّ الْمَحْرُومَ مَنْ حُرِمَ وَصِيَّتَهُ

Daripada Anas bin Malik r.a.: “Sesungguhnya orang yang malang ialah orang yang terhalang (dengan sebab tidak sempat) berwasiat.

(Riwayat Ibn Majah)





## PERINGKAT AWAL WAJIB

AYAT 180 SURAH  
AL-BAQARAH

## SELEPAS TURUN AYAT MAWARITH SUNAT

AYAT 11, 12 DAN  
176 SURAH AL-  
NISA'

- Peringkat awal, hukum berwasiat **WAJIB** bagi orang yang mempunyai harta.
- Jumhur fuqaha (Hanafi, Maliki, Shafi'i dan Hanbali) – setelah turunnya ayat **MAWARITH**, hukum berwasiat menjadi **SUNAT**



## HUKUM BERWASIAH

Bagi jumhur fuqaha, walaupun pada asalnya hukum berwasiat adalah SUNAT, namun ia boleh berubah mengikut situasi (Mustafa al-Khinn, 2003)

### 1. WAJIB

- Jika mempunyai tanggungjawab yang berbentuk hak Allah yang perlu ditunaikan seperti zakat, haji yang mana dibimbangi tidak dapat ditunaikan sekiranya tidak diwasiatkan kepada seseorang untuk menunaikannya. Termasuk juga hak dengan manusia seperti menjaga harta yang diamanahkan, hutang yang belum ditunaikan.

### 2. HARAM

- Jika harta yang diwasiatkan adalah harta yang haram atau melaksanakan sesuatu yang haram atau mendatangkan kemudarat kepada waris.

### 3. HARUS

- Jika wasiat dibuat kepada orang yang kaya atau tidak mempunyai tujuan tertentu.

### 4. MAKRUH

- Jika hartanya sedikit dan mempunyai ahli waris yang miskin yang sangat memerlukan harta. Begitu juga jika wasiat dibuat kepada orang yang fasik dan ahli maksiat.





Wasiat hanya dianggap sah di sisi syarak apabila memenuhi rukun yang telah ditetapkan. Jumhur fuqaha menyatakan wasiat terbentuk dengan empat (4) rukun

## RUKUN WASIAT

**Pewasiat  
(Musi)**

**Penerima  
Wasiat  
(Musa lahu)**

**Harta yang  
Diwasiatkan  
(Musa bihi)**

**Sighah  
(Ijab &  
Qabul)**



# PEWASIAT

Telah capai umur 18 tahun

Sempurna akal

Bertindak sukarela dan tak dipaksa

Tidak dilarang mengurus hartanya

Jika pewasiat sakit, dia hendaklah waras fikiran, baik ingatan dan memahami wasiat yg dibuat



Seksyen 6, Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999

Orang yang berhutang boleh buat wasiat ke?

Orang yang berhutang tidak terhalang untuk buat wasiat semasa hidup, tetapi hutang akan memberi kesan ke atas pelaksanaan wasiat selepas pewasiat meninggal dunia dan tertakluk kepada sejauh mana kadar hutang yang dijelaskan.



Majlis Agama Islam Selangor



mais\_officialhq



# PENERIMA WASIAT

Penerima wasiat boleh berupa orang atau kumpulan orang sama ada diperbadankan atau tidak diperbadankan yang menerima faedah daripada sesuatu wasiat dan berhubungan dengan hasil daripada sesuatu wasiat, termasuklah bagi suatu tujuan agama atau kebajikan yang tidak bertentangan dengan Hukum Syarak

## MESTI MEMENUHI SYARAT-SYARAT

Wujud ketika wasiat dibuat

Boleh menerima harta menurut hukum syarak

Diketahui siapa yang menjadi penerima

Mempunyai kelayakan memiliki dan mengurus harta

Termasuk:

- Dewasa atau kanak-kanak
- Sempurna akal atau tidak siuman
- Janin dalam kandungan yang dilahirkan hidup kurang daripada enam bulan selepas wasiat dibuat

Jika penerima mati dulu sebelum pewasiat macam mana?

## WASIAT KEPADA PENERIMA TERSEBUT AKAN TERBATAL

Seksyen 12(b) Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999

Penerima wasiat juga **BUKAN PEMBUNUH** kepada pewasiat.

Wasiat hendaklah terbatal sekiranya penerima wasiat dengan sengaja menyebabkan kematian pewasiat, secara langsung atau tidak langsung, sama ada dia bertindak sebagai principal, rakan jenayah atau pensubahat atau sebagai saksi palsu yang keterangannya menyebabkan hukuman mati dikenakan ke atas pewasiat. (Seksyen 14, Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999)

**PENERIMA WASIAT JUGA DISYARATKAN BUKAN WARIS**  
 \*akan dibincangkan dalam tajuk Wasiat Kepada Waris

# HARTA YANG DIWASIAKAN

Semua jenis harta termasuklah yang berbentuk ‘ayn (bentuk, boleh dilihat, dipegang) atau manfaat boleh diwasiatkan.

## SYARAT-SYARAT

Harta yang bernilai

Harta yang boleh dimiliki

Harta kepunyaan  
pewasiat

Harta yang tidak  
bertujuan maksiat

Seksyen 9, Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999

Sesuatu yang diwasiatkan hendaklah-

- Boleh dijadikan pusaka atau boleh dijadikan perkara akad semasa hidup pewasiat
- Bernilai di sisi syarak
- Boleh dipindah milik selepas kematian pewasiat
- Benda yang harus dan bukan yang haram atau maksiat

**BAGAIMANA JIKA HARTA YANG DIWASIAKAN TELAH TIADA  
ATAU MUSNAH SEBELUM KEMATIAN PEWASIAT?**

**WASIAT TERSEBUT DIANGGAP TELAH BATAL**

(Wahbah al-Zuhayli, 1998)

Seksyen 12(c), Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999



Majlis Agama Islam Selangor



mais\_officialhq

# CONTOH HARTA YANG DIWASIAITKAN



## Harta Alih

- Wang Tunai
- Kenderaan
- Wang Simpanan
- Barang Kemas
- Saham

## Harta Tak Alih

- Rumah
- Tanah
- Bangunan
- Premis Kedai



Majlis Agama Islam Selangor



mais\_officialhq



# SIGHAH (IJAB & QABUL)

Wasiat ialah suatu bentuk akad atau kontrak.

Apabila ia merupakan akad, tidak sempurna dengan hanya kehendak daripada sebelah pihak sahaja (PEWASIAT).

**PEWASIAT DAN PENERIMA WASIAT MESTILAH  
MENYEMPURNAKAN AKAD IJAB DAN QABUL BAGI  
MENUNJUKKAN KEHENDAK DAN KERELAAN KEDUA-DUA PIHAK**

**TETAPI**

PENYEMPURNAAN AKAD QABUL HANYA  
BOLEH DILAKUKAN SELEPAS PEWASIAT  
MENINGGAL DUNIA

**BERMAKSUD**

Pindah milik harta yang diwasiatkan kepada penerima wasiat berkuat kuasa selepas kematian pewasiat dan bukannya persetujuan ke atas wasiat dibuat semasa pewasiat masih hidup.

Wasiat berbeza dengan HIBAH kerana hibah tidak boleh dibatalkan dan tidak boleh diberikan selepas kematian. Jika hibah diberi selepas kematian ia adalah sah sebagai wasiat.

Wasiat berbeza dengan WAKAF kerana wakaf berkuatkuasa semasa hidup pewakaf. Namun wakaf boleh dibuat juga selepas mati tertakluk kepada hukum wasiat.



## WASIAK KEPADA WARIS



Jumhur fuqaha berpendapat wasiat kepada waris adalah **TIDAK DIHARUSKAN** dalam undang-undang Islam dan wasiat **HANYA SAH** dibuat kepada **BUKAN WARIS** yang menerima bahagian harta melalui hukum faraid.  
(al-Shawkani, 1999)

**ANAK ANGKAT, ANAK TIRI,  
ADIK IPAR, CUCU, BAPA  
SAUDARA, ADIK BERADIK.**

إِنَّ اللَّهَ عَزَّوَجَلَّ ، قَدْ أَعْطَى كُلَّ ذِيْ حَقٍّ حَقَّهُ ، فَلَا وِصْيَةٌ لِوَارِثٍ

Daripada Abu Umamah al-Bahili r.a.:

“Sesungguh Allah telah memberikan bahagian setiap orang yang berhak. Maka tiada wasiat untuk waris”

(Riwayat Abu Daud)

### KENAPA WASIAT UNTUK WARIS TIDAK DIHARUSKAN?



- **SETIAP WARIS TELAH DITENTUKAN HAK DAN BAHAGIAN MASING-MASING DALAM HARTA PUSAKA**
- **LARANGAN BERWASIAK KEPADA WARIS IALAH BAGI MENJAGA KEUTUHAN INSTITUSI KELUARGA**
- **JIKA SEBAHAGIAN WARIS YANG DIBERIKAN HARTA SECARA WASIAT DAN SEBAHAGIAN LAGI TIDAK, DIBIMBANGI AKAN MENIMBULKAN PERSELISIHAN**





## NAMUN DEMIKIAN

### JIKA SESUATU WASIAK ITU DIBUAT KEPADA WARIS BAGAIMANA?

Ia akan tertakluk kepada PERSETUJUAN WARIS-WARIS LAIN selepas kematian pewasiat.

لَا تجُوزْ وصيَّةٌ لوارثٍ إِلَّا أَن يشأَ الورثةُ

Daripada Abdullah bin Abbas r.a., bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud: “Tidak harus wasiat kepada waris kecuali diizinkan oleh waris yang lain”

(Riwayat al-Baihaqi)



### FATWA WASIAK KEPADA WARIS DI SELANGOR

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Kali 2/2018  
 “Sesuatu wasiat yang dibuat kepada waris adalah tidak berkuatkuasa melainkan jika dipersetujui oleh waris-waris lain selepas kematian pewasiat”

Penentuan seseorang itu waris atau bukan dibuat pada masa kematian pewasiat.

Keizinan dibuat selepas kematian pewasiat oleh waris yang berkelayakan.



Majlis Agama Islam Selangor



mais\_officialhq

# BAGAIMANA JIKA WARIS-WARIS LAIN TIDAK SETUJU?

WASIAK TERSEBUT DIANGGAP **BATAL**

**TETAPI**

JIKA SEBAHAGIAN WARIS BERSETUJU DENGAN WASIAK KEPADA WARIS DAN SEBAHAGIAN LAGI TIDAK SETUJU, WASIAK HANYA BOLEH DILAKSANAKAN PADA BAHAGIAN WARIS YANG BERSETUJU SAHAJA.

WARIS YANG TIDAK  
SETUJU PERLU  
DIBERI HAK DAN  
BAHAGIAN FARAIID  
MEREKA

Asasnya, setiap orang waris adalah berhak ke atas bahagian pusakanya dan pelepasan haknya untuk diberikan kepada waris yang diwasiatkan itu adalah hak eksklusifnya. (Ibn Qudamah, 2004)

Contoh:

“Pandai-pandai kau je kata arwah abah ada bagi kat kau kereta ni? “Aku tak tahu pun”




Majlis Agama Islam Selangor



mais\_officialhq

## CONTOH WASIAK KEPADA WARIS




Majlis Agama Islam Selangor



mais\_officialhq



## CONTOH WASIAH KEPADA WARIS



Maimunah mempunyai seorang anak perempuan.

Sekiranya Maimunah mewasiatkan kesemua hartanya kepada Huda.

Wasiat itu tidak boleh dilaksanakan, kecuali dipersetujui oleh Yahya, Kamsiah dan Arifin.




## KEPADA SIAPA WASIAT DITUJUKAN SEBENARNYA??

- **Sebaik-baik berwasiat ditujukan kepada:**
  - keluarga yang miskin
  - anak-anak yatim yang tidak berhak mendapat pusaka
- **Utamakan ahli keluarga terdekat seperti:**
  - ahli keluarga mahram
  - ahli keluarga susuan
  - ahli keluarga perkahwinan
- Berwasiatlah kepada **anak angkat**
- Berwasiat untuk **kebajikan atau amal jariah** ditujukan kepada masjid atau institusi-institusi kebajikan



## KEPADA SIAPA WASIAT DITUJUKAN



### Keterangan:


Sekiranya datuk meninggal dunia, cucu lelaki daripada anak perempuan yang mati dahulu tidak berhak menerima pusaka datuk kerana cucu tersebut adalah waris *dhawi-al-arham*.

Oleh yang demikian untuk membolehkan cucu tersebut menerima pusaka, datuk boleh mewasiatkan hartanya kepada cucu tersebut.

Mengikut kaedah wasiat, cucu akan mendapat maksimum 1/3 bahagian dan SIBL mendapat 2/3 bahagian. Terpulang kepada persetujuan SIBL untuk memberikan selebihnya kepada CL.



## KEPADA SIAPA WASIAT DITUJUKAN




### Keterangan:

Sekiranya Ahmad meninggal dunia, hanya 2 orang anak sahaja yang akan mewarisi hartanya. AL yang mati dahulu tidak mewarisi, Demikian juga anaknya (cucu Ahmad). Oleh itu wajar sekiranya Ahmad meninggalkan wasiat kepada cucunya.



## KEPADA SIAPA WASIAT DITUJUKAN



### Keterangan:

Sekiranya diwasiatkan, anak angkat akan turut menerima pusaka Ahmad maksimum 1/3 bahagian, manakala 2/3 bahagian lagi diwarisi oleh saudara seibu sebaik lelaki sebagai waris asabah.






## KADAR HARTA YANG BOLEH DIWASIAKAN

**ORANG ISLAM HANYA DIBENARKAN BERWASIAIT **SEHINGGA**  
**1/3 DARIPADA HARTA PUSAKA SELEPAS DISELESAIKAN**  
**SEGALA URUSAN JENAZAH DAN PEMBAYARAN HUTANG.****

قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أُوصِي بِعَالِي كُلِّهِ قَالَ لَا قُلْتُ فَالشَّطْرُ قَالَ لَا  
 قُلْتُ الْثُلُثُ قَالَ فَالثُلُثُ وَالثُلُثُ كَثِيرٌ إِنَّكَ أَنْ تَدْعَ وَرَثَتَكَ  
 أَغْنِيَاءَ خَيْرٌ مِّنْ أَنْ تَدْعَهُمْ عَالَةً يَتَكَفَّفُونَ النَّاسَ فِي أَيْدِيهِمْ

Daripada Saad bin Abu Waqqas r.a.: "Wahai Rasulullah, apakah aku harus mewasiatkan semua hartaku. Baginda menjawab: Tidak. Aku berkata: Sebahagiannya. Baginda menjawab: Tidak. Aku berkata: Sepertiga. Baginda menjawab: Ya, sepertiga dan sepertiga itu banyak. Sesungguhnya apabila engkau meninggalkan ahli waris kaya itu lebih baik daripada engkau meninggalkan mereka miskin, meminta-minta kepada manusia dengan tangan mereka." (Riwayat al-Bukhari)



- ✓ Maksimum 1/3 - setelah ditolak semua perbelanjaan pengebumian & hutang-hutang
- ✓ Tujuan dihadkan 1/3 - untuk menjaga kepentingan waris
- ✓ Kebanyakan sahabat tidak berwasiat sehingga mencapai had 1/3


Saidina Ali dan Saidina Abu Bakar r.a. 1/5  
 Saidina Umar r.a. 1/4





## KADAR HARTA YANG BOLEH DIWASIAKAN

### PENENTUAN KADAR 1/3 DIBUAT PADA WAKTU KEMATIAN PEWASIAT (al-Sharbini, 2005)



Jika ada pertambahan dari segi nilai atau bentuk fizikal harta wasiat yang telah ditentukan berlaku selepas kematian pewasiat (seperti, pertambahan saiz dana syarikat, keuntungan saham, penghasilan buah di kebun, kelahiran binatang ternakan dll.), maka ianya adalah dimiliki oleh penerima wasiat dan tidak termasuk dalam kiraan  $1/3$  daripada harta yang perlu diasing untuk melaksanakan wasiat dan segala perbelanjaan dalam tempoh tersebut adalah tertanggung ke atas penerima wasiat itu.

### BAGAIMANA JIKA WASIAT YANG DIBUAT MELEBIHI $1/3$ HARTA?

**Jumhur fuqaha  
WASIAT YANG MELEBIHI  $1/3$  BOLEH DILAKSANAKAN JIKA DIPERSETUJUI OLEH WARIS-WARIS SELEPAS KEMATIAN PEWASIAT**

**Boleh ke pewasiat mewasiatkan lebih daripada  $1/3$  kerana tiada waris**

- Mazhab Hanafi – Boleh dilaksanakan
- Jumhur – Kadar  $1/3$  perlu dipatuhi kerana  $2/3$  adalah hak orang Islam dan kembali kepada Baitulmal

## PEMBATALAN WASIAT

### TINDAKAN PEWASIAT MENARIK KEMBALI ATAU MEMBUBARKAN WASIAT YANG TELAH DIBUAT

- Pewasiat mempunyai hak untuk membatalkan (menarik balik) wasiat yang telah dibuat sama ada keseluruhan atau sebahagian.
- Keharusan pembatalan wasiat adalah kerana akad wasiat tidak mengikat kedua-dua (pewasiat dan penerima wasiat) sehinggalah selepas kematian pewasiat.
- Akad wasiat hanya sempurna selepas penerima wasiat menerima wasiat tersebut yang hanya boleh dilakukan selepas kematian pewasiat.

**Saidina Umar r.a.:**

**“Seseorang boleh mengubah wasiatnya sebagaimana yang dikehendakinya.”**  
**(al-Bayhaqi, 2003)**

Pewasiat boleh batalkan secara nyata atau tersirat

- “Saya tarik balik wasiat ini”
- “Harta ini haram ke atas kamu”
- “Harta ini untuk warisku selepas aku mati”

Pewasiat lakukan perbuatan yang menunjukkan beliau menarik balik wasiatnya

- Harta telah dijual, dihibah atau digadai
- Harta telah dijadikan upah atau mas kahwin

Pewasiat membuat wasiat yang baru

- Wasiat lama buat di syarikat A, tidak lama kemudian buat wasiat di syarikat B.

Seksyen 15, Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999



Majlis Agama Islam Selangor



mais\_officialhq

# KESIMPULAN



Sektor Baitulmal

Majlis Agama Islam Selangor

Ting. 10, Menara Utara, Bangunan Sultan Idris Shah

40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-5514 3773 / 3772 / 2190 / 3570

Faks: 03-5512 4042

[www.mais.gov.my](http://www.mais.gov.my)

[siswa.mais.gov.my](http://siswa.mais.gov.my)

[www.efaraid.mais.gov.my](http://www.efaraid.mais.gov.my)



Majlis Agama Islam Selangor



Baitulmal MAIS



mais\_officialhq



baitulmalmais



Majlis Agama Islam Selangor



mais\_officialhq